ABU BAKAR BIN K.S. IBRAHIM

lwn.

METRO SECURITY SERVICES SDN. BHD. & 1 LAGI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SEREMBAN
DATO' FAIZA TAMBY CHIK H.
[GS. NO. 22-131-93]
9 MAC 1994

INJUNKSI: Plaintif memohon untuk injunksi - Kedua-dua pihak bersetuju ada soalan berat untuk diputuskan - Samada kerugian yang dialami untuk plaintif adalah lebih daripada kerugian langsung kewangan - Permohonan plaintif diluluskan - Permohonan defendan untuk menggantung perlaksanaan perintah injunksi - Samada injunksi yang diberikan berupa injunksi mandatori - Samada permohonan defendan adalah semata-mata bertujuan melengah-lengahkan masa menerusi suatu pembelaan yang diada-adakan - Samada permohonan defendan patut dibenarkan.

Plaintif telah *inter alia* memohon satu perintah untuk menahan defendan-defendan dengan diri sendirinya, pekerja-pekerjanya, ajen-ajennya atau selainnya dari menyingkirkan plaintif dari menyenggarakan franchisenya di Negeri Sembilan di bawah nama dan gaya Metro Security Services Sdn. Bhd.

Walaupun kedua-dua belah pihak bersetuju bahawa wujud suatu persoalan yang serius dalam kes ini, namun demikian, pihak defendan berpendapat bahawa kerugian yang dialami oleh plaintiff jika tidak diberikan dengan suatu injunksi boleh dipampas dengan wang.

Setelah plaintif diberi injunksi dengan akujanji yang biasa, pihak defendan telah memohon suatu perintah supaya injunksi itu digantung perlaksanaannya sementara menunggu perbicaraan hujah-hujah lanjut di Mahkamah terbuka atau sebagai alternatif supaya defendan diberikan lanjutan masa selama enam bulan untuk melaksanakan perintah injunksi tersebut atas alasan bahawa injunksi tersebut adalah merupakan injunksi mandatori jika dibenarkan berkekalan.

Diputuskan:

[1] Plaintif telah menunjukkan bahawa beliau akan mengalami kerugian lebih daripada kerugian langsung kewangan sekiranya suatu injunksi tidak diberikan kepadanya. Adalah jelas bahawa nama baik plaintif akan terjejas jika suatu injunksi tidak diberikan kepadanya. Oleh kerana nama baik tidak boleh dinilai sepenuhnya dengan wang, plaintif patut diberikan injunksi yang dipohonnya.

[2] Adalah jelas bahawa permohonan defendan ialah semata-mata bertujuan untuk melengah-lengahkan masa sahaja menerusi suatu pembelaan yang diada-adakan.

[3] Dalam hal yang demikian permohonan defendan untuk menggantung perlaksanaan injunksi tersebut perlu ditolak oleh kerana bukan sahaja plaintif telah membelanjakan banyak wangnya sendiri membeli alat-alat operasi keselamatan, akan tetapi telah menubuhkan pejabat operasi dengan kelengkapan-kelengkapannya dan membeli polisi insuran dan membayar caruman bulanan kepada KWSP dan SOCSO.

[Permohonan plaintif untuk injunksi diluluskan. Permohonan defendan-defendan untuk menggantung perlaksanaan injunksi tersebut ditolak].

Kes-kes yang dirujuk:

American Cynamid lwn. Ethicon Ltd. [1975] AC 396 HL ***(dirujuk)***

Sivaperuman lwn. Heah Seok Yeong Realty Sdn. Bhd. [1979] 1 MLJ 150 FC ***(dirujuk)***

Gibb & Co. lwn. Malaysia Building Society Bhd. [1982] 1 MLJ 271 FC, 273 ***(diikuti)***

Bagi pihak plaintif - Seeralan; T/n. Mahadevi Ganeshmurugan & Co.

Bagi pihak defendan - Rafie Omar (Denis Xavier bersamanya); T/n. Xavier Rafie & Norhaslinda

ALASAN PENGHAKIMAN

Faiza Tamby Chik H:

Melalui suatu saman dalam kamar (antara pihak) tanpa tarikh (Lampiran 3) plantif telah memohon:

(i) Satu perintah di mana defendan-defendan dengan diri sendirinya, pekerja-pekerjanya, ajen-ajennya atau selainnya ditahan dari menyingkirkan plaintif dari menyenggarakan frachisenya di Negeri Sembilan Darul Khusus di bawah nama dan gaya Metro Security Services Sdn. Bhd.;

(ii) Satu perintah di mana defendan-defendan pekerja-pekerjanya dengan diri sendiri, agen-agennya atau selainnya ditahan dari

mengganggu dan mengancam plaintif dalam penyenggaraan franchisenya di Negeri Sembilan di bawah nama dan gaya Metro Security Services Sdn. Bhd.;

(iii) Satu perintah mengarahkan defendan-defendan, pekerja-pekerjanya atau agen-agennya supaya tidak memecatkan plaintif dari franchisenya di Negeri Sembilan di bawah nama dan gaya Metro Security Services Sdn. Bhd.;

(iv) Satu perintah mengarahkan defendan-defendan pekerja-pekerjanya atau agen-agennya membenarkan plaintif memulakan pengenggaraan franchisenya ini dengan serta-merta dari tarikh perintah ini di Negeri Sembilan di bawah nama dan gaya Metro Security Services Sdn. Bhd.;

(v) Secara pilihan (alternatively) satu perintah mengarahkan defendan-defendan pekerja-pekerjanya atau agen-agennya menyimpan sebanyak RM150,000 di dalam Mahkamah sementara menunggu keputusan guaman ini.

(vi) Bahawa kos dibayar oleh defendan-defendan;

(vii) Kebebasan untuk memohon;

(viii) Relif-relif lain yang Mahkamah yang mulia ini anggap sesuai.

Pada pendengaran yang diadakan pada 17 Januari 1994, mengenai permohonan (i) di atas, kedua-dua belah pihak bersetuju bahawa wujud suatu persoalan berat (serious) dalam kes ini dan seterusnya Rafie Omar Peguambela yang bijaksana bagi pihak defendan berpendapat bahawa namun demikian kerugian yang dialami oleh plaintif jika tidak diberikan dengan suatu injunksi boleh dipampas dengan wang. Oleh hal yang demikian berdasarkan garis panduan yang diletakkan oleh kes *American Cynamid lwn. Ethicon Ltd.* [1975] AC 396 HL., soalan yang patut ditimbang oleh Mahkamah setelah wujudnya persoalan berat (serious) tadi adalah bahawa sudahkah juga plaintif menunjukkan bahawa sekiranya beliau tidak diberikan dengan suatu injunksi, beliau akan mengalami kerugian lebih daripada kerugian langsung kewangan. Dapat diperhatikan daripada afidavit sokongan plaintif bertarikh 11 November 1993, afidavit jawapan defendan kedua bertarikh 3 Disember 1993 (Lampiran (11)) dan afidavit lanjutan plaintif bertarikh 29 Disember 1993 (Lampiran (16) sememangnya terdapat wujudnya persoalan berat (serious) seperti yang diakui oleh kedua-dua belah pihak. Daripada keterangan afidavit yang bertentangan itu adalah jelas bahawa plaintif telah mengeluarkan tenaga dan wang sendiri yang banyak selain daripada memperagakan nama baiknya dengan menjalankan sendiri dan memajukan operasi keselamatan defendan pertama di Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Malahan pada "*prima facie*nya" lesen untuk cawangan Negeri Sembilan dan Johor telah diperolehi melalui daya usaha plaintif sendiri. (Lihat afidavit plaintif bertarikh 29 Disember 1993, para 8). Dalam suasana sedemikian saya berpendapat bahawa plaintif telah menunjukkan bahawa beliau akan mengalami kerugian lebih daripada kerugian langsung kewangan sekiranya suatu injunksi tidak diberikan kepadanya. Adalah jelas bahawa nama baik (good will) plaintif akan terjejas jika suatu injunksi tidak diberikan kepadanya. Saya berpendapat nama baik tidak boleh dinilai sepenuhnya dengan wang.

Atas alasan di atas saya telah meluluskan permohonan (i) di atas dengan akujanji yang biasa.

Pada 14 Februari 1994 defendan melalui suatu saman dalam kamar bertarikh 22 Januari 1994 (Lampiran 26) telah memohon:

(1) Perintah Injunksi yang dikeluarkan oleh Yang Arif Hakim Dato' Faiza bin Tamby Chik pada 17 Januari 1994 digantung perlaksanaannya sementara menunggu perbicaraan hujah-hujah lanjut di Mahkamah terbuka berkenaan dengan perkara ini;

(2) Ataupun sebagai alternatif, defendan diberikan lanjutan masa selama 6 bulan dari tarikh perintah ini untuk melaksanakan perintah injunksi bertarikh 17 Januari 1994 tersebut di atas;

(3) Kos permohonan ini ditetapkan;

(4) Pihak-pihak diberi kebebasan untuk memohon.

Setelah mendengar kedua-dua belah pihak, saman dalam kamar tersebut telah ditangguhkan pendengarannya pada 9 Mac 1994 dan perintah injunksi bertarikh 17 Januari 1994 itu telah ditangguhkan pelaksanaannya sehingga 9 Mac 1994.

Pada 9 Mac 1994, saman dalam kamar bertarikh 22 Januari 1994 (Lampiran 26) itu di mana defendan memohon injunksi bertarikh

17 Januari 1994 tersebut digantung perlaksanaannya sehingga 9 Mac 1994 atau secara alternatif, defendan diberikan masa 6 bulan untuk melaksanakan perintah injunksi tersebut. Encik Dennis Xavier Peguambela yang bijaksana bagi pihak defendan telah menghujahkan bahawa injunksi bertarikh 17 Januari 1994 itu adalah berupa injunksi mandatori jika dibenarkan berkekalan dan beliau telah memetik kes *Sivaperuman lwn. Heah Seok Yeona Realty Sdn. Bhd.* [1979] 1 MLJ 150 FC untuk menyokong hujahnya. Dapat diperhatikan bahawa Abdoolcader J. (pada ketika itu) dalam kes *Sivaperuman* di atas telah menyatakan bahawa:

> I would make two observations on the interlocutory injunction that was sought and granted.
>
> The first is that it is couched in prohibitory terms to restrain the appellant until the trial of the suit from remaining in the quarters but it is in effect a mandatory injunction. Equity looks to the substance and intent and not to the form, and the interlocutory injunction sought and granted although prohibitory in language is mandatory in substance and effect (*Shepherd Homes Ltd. v. Sandham* (at p.359), - *Hounslow Borough Council v. Twickenham Garden Developments Ltd.* (at p. 570-1), and as I said in my judgment in *Wah Loong (Jelapang) Tin Mine Sendirian Berhad v. Chai Nyen Yiok*, an interim or interlocutory mandatory injunction is never granted before trial save in exceptional and extremely rare cases.
>
> The second is that the interlocutory injunction virtually gives to the respondents on their claim the full relief actually sought to be secured at the final hearing, as I do not seriously think the respondents are really concerned about their claim for damages against a labourer. As I said however in *Wah Loong*, the Court is not precluded from making such an order when the matter is viewed on a balance of convenience in the light of the principle enunciated in *Woodford v. Smith*.

Dan dalam kes *Gibb & Co. v. Malaysia Building Society Bhd.* [1982] 1 MLJ 271 FC, 273 Abdoolcader J (pada ketika itu) menyatakan lagi bahawa:

> The short answer to the issue raised in this respect is that the Court is not precluded from granting an interlocutory injunction where this would virtually give the applicant therefor on his claim the full relief actually sought to be secured at the final hearing when the matter is viewed on a balance of convience (*Woodford v. Smith* (at pages 817-818); *Wah Loong (Jelapang) Tin Mine (at page 114); Sivaperuman*). If there is plainly no defence to the action, and the only object in raising a defence is delay, an injunction should issue even if it gives the applicant his whole remedy before the trial (*Manchester Corporation v. Connolly)* (at page 427)).

Adalah jelas dalam kes di hadapan saya hakikat bahawa defendan memohon:

> ... diberikan lanjutan masa selama 6 bulan dari tarikh perintah ini untuk melaksanakan perintah injunksi bertarikh 17 Januari 1994 tersebut ..

(lihat Lampiran 26 No. (2)) ialah semata-mata bertujuan untuk melengah-lengahkan masa sahaja menerusi suatu pembelaan yang diada-adakan.

Dengan hal yang demikian saya berpendapat bahawa permohonan untuk menggantung perlaksanaan injunksi tersebut perlu ditolak dan saya memutuskan sedemikian oleh kerana bukan sahaja plaintif telah membelanjakan banyak wangnya sendiri membeli alat-alat operasi keselamatan seperti van, "walkie-talkie", pakaian seragam dan eksesori-eksesori lain bagi pengawal keselamatan akan tetapi telah menubuhkan pejabat operasi dengan kelengkapan-kelengkapan seperti mesin taip, mesin fax, "key-telephone" dan membeli polisi insuran dan membayar caruman bulanan kepada KWSP dan SOCSO. Seperti kata Abdoolcader J (pada ketika itu) dalam kes *Gibb & Co.* di atas bahawa:

> The respondent has expended a very large sum of money to provide finance for the purchasers in this housing project and must necessarily have security by way of charges over the several units in question. Considering all the circumstances of this case, the rights of the parties and the balance of convenience in the matter, we are of the view that this is a case where the Court is not precluded from granting the order sought although in effect the respondent would as a result secure the basic relief sought in the action. (Muka surat 274)